

KATA PENGANTAR *PREFACE*

Buku Perangkaan Tahunan Perikanan Jilid 1 ini mengandungi beberapa seksyen yang merangkumi data dan maklumat penting mengenai industri perikanan Malaysia.

Data dan maklumat ini dikumpul untuk dianalisis dan diguna pakai bagi menggubal dasar dan strategik perancangan pembangunan industri perikanan negara.

Dengan adanya perancangan yang strategik, Jabatan Perikanan dapat mewujudkan industri perikanan yang berdaya saing dalam usaha meningkatkan pengeluaran ikan negara.

Jabatan Perikanan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama semua pihak dalam menyediakan data yang diperlukan. Jabatan ini juga mengalu-alukan sebarang cadangan untuk memperbaiki mutu penerbitan Buku Perangkaan Tahunan Perikanan di masa akan datang.

**Ketua Pengarah
Jabatan Perikanan Malaysia
PUTRAJAYA**



This Annual Fisheries Statistics Book (Volume 1) contains several sections covering data and information concerning the fishing industry in Malaysia.

These data and information collected will be analyzed and used to make policies and planning strategies for the development of the country's fishing industry.

With these strategic planning, the department hopes that the fishing industry will be more competitive in their effort to increase the nation's fish supply.

The department gratefully acknowledges the co-operation of all parties concerned in providing the required data. We welcome any comments and suggestions towards improving the quality of the Annual Fisheries Statistics book in the near future.

***Director-General
Department of Fisheries Malaysia
PUTRAJAYA***

KANDUNGAN (CONTENTS)	MUKA SURAT (Page)	KANDUNGAN (CONTENTS)	MUKA SURAT (Page)
A	KEDUDUKAN SEKTOR PERIKANAN DI MALAYSIA, 2011 <i>Status of the Fisheries Sector In Malaysia, 2011</i>	IKAN HIASAN <i>Ornamental Fish</i>	
	PROFIL PERIKANAN <i>Fisheries Profile</i>	RUMPAI LAUT <i>Seaweed</i>	
	PERIKANAN TANGKAPAN MARIN <i>Marine Capture Fisheries</i>	B	CARTA <i>Charts</i>
	AKUAKULTUR <i>Aquaculture</i>	C	JADUAL <i>Tables</i>



KEDUDUKAN SEKTOR PERIKANAN DI MALAYSIA 2011

STATUS OF THE FISHERIES SECTOR IN MALAYSIA, 2011

1 PROFIL PERIKANAN

Pada tahun 2011, sektor perikanan negara telah menyumbang sebanyak RM10,620.97 juta iaitu meningkat sebanyak 6.85% berbanding tahun 2010. Sektor perikanan makanan yang merangkumi perikanan tangkapan marin, perikanan darat dan akuakultur (*tidak termasuk rumpai laut*) telah menghasilkan pengeluaran ikan makan sebanyak 1,665,856.77 tan metrik bernilai RM9,379.94 juta, iaitu menurun sebanyak 7.79% dan 0.34% masing-masing dari segi kuantiti dan nilai berbanding tahun 2010. Manakala sektor perikanan bukan makanan yang merangkumi rumpai laut, ikan hiasan dan tumbuhan akuatik telah menyumbang sebanyak RM690.30 juta, iaitu meningkat sebanyak 30.75% berbanding tahun 2010. Dalam tahun yang sama, sektor perikanan telah menyumbang sebanyak 1.1% kepada KDNK* negara.

Subsektor perikanan tangkapan marin yang merangkumi laut pantai dan laut dalam, masih menjadi penyumbang terbesar iaitu sebanyak 1,373,105 tan metrik (82.43%), bernilai RM6,939.47 juta (73.98%), iaitu menurun sebanyak 3.90% dari segi kuantiti dan meningkat sebanyak 4.32% dari segi nilai berbanding tahun 2010. Namun begitu, sumbangan ini telah melebihi sasaran 1,356.6 tan metrik dengan nilai RM6,805 juta seperti yang ditetapkan dibawah Dasar Agromakanan Negara bagi tahun 2011.

1 Fisheries Profile

In the year 2011, the fisheries sector, comprising of Food fish and Non-Food fish, contributed RM10,620.97 million, an increase of 6.85% compared to 2010. The Food fish sector which comprises of marine capture fisheries, inland fisheries and aquaculture (excluding seaweed) produced 1,665,856.77 tonnes with a value of RM9,379.94 million, signifying a decrease of 7.79% and 0.34% respectively in terms of quantity and value compared to 2010. For the Non-Food fish sector, seaweeds, ornamental fish and aquatic plants contributed RM690.30 million, an increase of 30.75% compared to 2010. Fish production from the fisheries sector contributed 1.1% to the GDP in the year 2011.*

Marine capture fisheries sub-sector comprising of inshore and deep-sea fisheries is still the major contributor producing 1,373,105 tonnes (82.43%), valued at RM6,939.47 million (73.98%) respectively decreasing by 3.90% in terms of quantity and 4.32% increase in terms of value compared to 2010. Nonetheless, 2011 contribution have exceeded the target of 1,356.6 tonnes and RM6,805 million set under the National Agro-Food Policy for 2011.

Subsektor akuakultur (tidak termasuk rumput laut) telah menyumbang sebanyak 287,057.41 tan metrik (17.23%) yang bernilai RM2,385.64 juta (25.43%). Berbanding tahun 2010, subsektor ini telah mencatatkan penurunan sebanyak 23.07% dan 12.45% dari segi kuantiti dan nilai.

Bagi sektor perikanan bukan makanan, subsektor ikan hiasan merupakan penyumbang terbesar dengan nilai RM549.75 juta (79.64%), diikuti rumput laut RM119.73 juta (17.34%) dan tumbuhan akuatik RM20.82 juta (3.02%). Nilai sumbangan ketiga-tiga sub sektor ini telah meningkat sebanyak 27.76%, 43.98% dan 43.88% masing-masing berbanding tahun 2010.

Dari segi tenaga kerja, sektor perikanan mencatatkan seramai 134,110 orang nelayan yang bekerja di atas vesel berlesen dan 28,599 orang penternak ikan terlibat dalam pelbagai sistem akuakultur. Pada tahun 2011, jumlah vesel penangkapan ikan yang berlesen ialah 53,002 unit yang kebanyakannya mengusahakan peralatan menangkap ikan tradisional.

* Keluaran Dalam Negara Kasar Perikanan adalah RM7,822 juta pada Harga Malar 2005 (Akaun Negara Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), Suku Pertama 2012, muka surat 50 & 62)



Aquaculture sub-sector (excluding seaweeds) recorded a decline of 23.07% and 12.45% respectively in terms of quantity and value compared to 2010. In the year 2011, this sub-sector produces 287,057.41 tonnes (17.23%) of fish valued at RM2,385.64 million (25.43%).

In the Non-Food fish sector, ornamental fish sub sector was the major contributor with a value of RM549.75 million (79.64%), followed by seaweed, RM119.73 million (17.34%) and aquatic plants RM20.82 million (3.02%). The value contributed from this three sub sector has increased by 27.76%, 43.98% and 43.88% respectively compared to 2010.

The workforce of the fisheries sector consisted of 134,110 fishermen working on licensed fishing vessels and 28,599 fish culturists engaging in various aquaculture systems. A total of 53,002 units of fishing vessels were licensed in 2011 with the majority operating traditional fishing gears.



Pengeluaran dan Nilai Sektor Perikanan, Malaysia, 2011
Production and Value of Fisheries Sector, Malaysia, 2011

Sektor Perikanan Fisheries Sector		2010		2011		Perubahan (Changes)	
		Kuantiti (M.T) Quantity (Tonnes)	Nilai (RM Juta) Value(RM Million)	Kuantiti (M.T) Quantity (Tonnes)	Nilai (RM Juta) Value (RM Million)	Kuantiti Quantity	Nilai Value
Ikan Makanan Food Fish	Perikanan Tangkapan Marin Marine Capture Fisheries	1,428,881	6,651.89	1,373,105	6,939.47	-3.90	+4.32
	Laut Pantai (Inshore)	1,108,897	5,362.97	1,085,965	5,704.65	-2.07	+6.37
	Laut Dalam (Deep Sea)	319,984	1,288.92	287,140	1,234.82	-10.26	-4.20
	Akuakultur (Aquaculture)	373,156.00	2,715.58	287,057.41	2,385.64	-23.07	-12.15
	Air Tawar (Freshwater)	155,398.63	760.34	122,218.73	684.15	-21.35	-10.02
	Air Payau / Marine (Brackishwater)	217,757.37	1,955.24	164,838.68	1,701.49	-24.30	-12.98
	Perairan Umum (Public Water Bodies)	4,605.43	44.67	5,694.36	54.83	+23.64	+22.74
	Jumlah Ikan Makan Total Food Fish	1,806,642.43	9,412.14	1,665,856.77	9,379.94	-7.83	-0.34
Bukan Makanan Non Food Fish	Rumpai Laut (Seaweed)	207,892.40	83.16	239,450.00	119.73	+15.18	+43.98
	Ikan Hiasan (Ornamental Fish)	341,757,064*	430.31	308,351,014*	549.75	-9.77	+27.76
	Tumbuhan Akuatik (Aquatic Plants)	143,651,684**	14.47	187,948,329**	20.82	+30.84	+43.88
	Jumlah Bukan Makanan Total Non Food Fish	na	527.94	na	690.30	na	+30.75
Jumlah Besar (Grand Total)		na	9,940.08	na	10,070.24	na	+6.85

* Kuantiti Dalam Ekor, (Quantity in Pieces) ; ** Kuantiti Dalam Ikut (Quantity in Bundles)

2. PERIKANAN TANGKAPAN MARIN

2.1 Nelayan

Sejumlah 134,110 orang nelayan telah direkodkan bekerja di atas vesel penangkapan ikan yang berlesen pada tahun 2011 berbanding dengan 129,622 orang pada tahun 2010, iaitu meningkat sebanyak 3.46%.

Dari jumlah ini, seramai 98,135 orang adalah nelayan tempatan manakala 35,975 orang adalah nelayan asing (bukan warganegara Malaysia) yang kebanyakannya terdiri daripada rakyat Thailand, Vietnam dan Indonesia. Bilangan nelayan tempatan meningkat sebanyak 5.46% dari 93,056 orang pada tahun 2010. Manakala bilangan nelayan asing telah menurun sedikit sebanyak 1.62% berbanding 36,566 pada tahun 2010 disebabkan oleh pengurangan bilangan vesel Zon C2 berikutan program audit yang telah dijalankan.

Dari jumlah nelayan tersebut, seramai 53,564 (39.94%) orang bekerja di atas vesel komersial iaitu menggunakan peralatan pukot tunda, pukot jerut ikan dan pukot jerut bilis, manakala selebihnya berjumlah 80,546 orang (60.06%) bekerja di atas vesel yang menggunakan peralatan menangkap ikan tradisional.

2. MARINE CAPTURE FISHERIES

2.1 Fishermen.

A total of 134,110 fishermen were recorded working on licensed fishing vessels in 2011 compared with 129,622 in 2010, increasing by 3.46%.

Out of this total, 98,135 were local fishermen while 35,975 were foreign fishermen (non Malaysian citizens) from Thailand, Vietnam and Indonesia. The number of local fishermen has increased by 5.46% from 93,056 in 2010. Meanwhile, the number of foreign fishermen recorded a slight decrease by 1.62% from 36,566 in 2010 because of the auditing programme conducted, resulting in the reduction of C2 vessels units.

A total of 53,564 (39.94%) fishermen worked on board commercial fishing vessels using trawl, fish purse seine and anchovies purse seine nets while the remaining 80,546 (60.06%) worked on board traditional fishing gear vessels.

2.2 Vesel Penangkapan Ikan

2.2 Fishing Vessels

Bilangan Vesel Mengikut Zon, 2010 dan 2011
Number of Vessels by Zone, 2010 and 2011

Tahun Year	Laut Pantai / <i>Inshore</i>				Jumlah Kecil <i>Sub Total</i>	Laut Dalam <i>Deep-Sea</i>	Jumlah Kecil <i>Sub Total</i>	Jumlah Besar <i>Grand Total</i>
	Zon A / <i>Zone A</i> (<20GRT)	Zon B / <i>Zone B</i> (<40GRT)	Zon C / <i>Zone C</i> (40<70GRT)	Vesel Lain <i>Other Vessel</i>		Zon C2 / <i>Zone C2</i> (>70GRT)		
2010	40,800 (83.41%)	5,119 (10.47%)	1,752 (3.52%)	843 (1.69%)	48,514	1,242 (2.50%)	1,242	49,756
2011	44,210 (84.76%)	5,023 (9.63%)	1,837 (3.47%)	843 (1.59%)	51,913	1,089 (2.05%)	1,089	53,002

Pada keseluruhannya bilangan vesel penangkapan ikan yang berlesen di Malaysia adalah sebanyak 53,002 buah pada tahun 2011 berbanding dengan 49,756 buah pada tahun 2010, iaitu meningkat sebanyak 6.52%.

On the whole, the number of licensed fishing vessels in Malaysia has increased by 6.52% from 49,756 units in 2010 to 53,002 units in 2011.

Semenanjung Malaysia mencatatkan bilangan sebanyak 31,474 buah pada tahun 2011 iaitu 59.38% dari keseluruhan bilangan vesel. Pantai Barat mencatatkan sebanyak 21,914 buah, iaitu sebanyak 69.63% dari keseluruhan bilangan vesel Semenanjung Malaysia, manakala Pantai Timur mencatatkan 30.37% iaitu sebanyak 9,560 buah. Di Pantai Barat, Negeri Perak mencatatkan bilangan vesel yang paling banyak iaitu berjumlah 5,550 buah (25.33%), manakala di Pantai Timur pula, Negeri Terengganu mencatatkan bilangan vesel terbanyak iaitu 3,078 buah (32.20%).

Peninsular Malaysia has 31,474 units in 2011 which accounts for 59.38% of the total nation's fishing fleet. Of this total, West Coast has 21,914 units contributing 69.63% of the total vessels in Peninsular Malaysia, while East Coast recorded 30.37% of the total vessels with 9,560 units. In the West Coast, the bulk of the fishing vessels were from the state of Perak which recorded 5,550 units (25.33%) while the state of Terengganu recorded the highest number of fishing vessels in the East Coast with 3,078 units (32.20%).

Negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan mencatatkan bilangan vesel sebanyak 21,528 buah iaitu merangkumi 40.62% daripada jumlah keseluruhan vesel di Malaysia di mana ia telah menunjukkan peningkatan sebanyak 18.52% berbanding tahun 2010 yang mencatatkan sebanyak 18,164 buah sahaja. Bilangan vesel yang tertinggi didapati di negeri Sabah sebanyak 15,217 buah.

Vesel penangkapan ikan laut dalam adalah vesel yang bermuatan 70 GRT dan ke atas, di mana kawasan operasinya adalah dari perairan 30 batu nautika dari pantai hingga ke sempadan perairan Zon Ekonomi Eksklusif negara dan bilangannya adalah kecil berbanding vesel penangkapan ikan laut pantai yang berjumlah 51,913 buah. Pada tahun 2011 sebanyak 1,089 buah vesel telah dilesenkan iaitu menurun sebanyak 12.32% daripada 1,242 buah pada tahun 2010. Bilangan vesel laut dalam ini tidak termasuk vesel-vesel 70 GRT ke atas yang dilesenkan untuk vesel pukot jerut bilis, vesel masak bilis dan vesel pembawa ikan.

A total of 21,528 units of licensed fishing vessels were recorded from the states of Sabah, Sarawak and Wilayah Persekutuan Labuan which contributes to 40.62% of the total fishing fleet in Malaysia. This total indicate an increase of 18.52% compared to 18,164 units recorded in 2010 with Sabah recording the highest number with 15,217 units.

Deep-sea fishing vessels are fishing vessel of size 70GRT and above which is licensed to fish in waters beyond 30 nautical miles from the shore until the Exclusive Economic Zone boundary and their numbers are small compared to 51,913 units of licensed inshore fishing vessels. In 2011, only 1,089 units of licensed deep-sea fishing vessels are recorded, a reduction of 12.32% from 1,242 units in 2010. This figure do not include licensed anchovy purse seiner, anchovy processing vessels and fish carrier.

Bilangan vesel Zon A iaitu 44,210 buah, menjadi penyumbang tertinggi dari segi komposisi berbanding zon-zon lain iaitu 84.76% dan menunjukkan peningkatan sebanyak 8.36% berbanding 40,800 buah pada tahun 2010. Vesel tersebut termasuk pukat jerut bilis sebanyak 135 buah yang merangkumi pelbagai muatan sehingga melebihi 70 GRT dan sampan sebanyak 35,760 buah tidak termasuk sampan pembawa ikan.

Terdapat juga kategori vesel-vesel lain yang mengandungi pelbagai muatan sebanyak 843 buah untuk menunggu peranti pengumpul ikan (MPPI), sistem kultur laut (SKL), pembawa ikan dan masak bilis.

2.3 Peralatan Menangkap Ikan

Pada tahun 2011, bilangan peralatan menangkap ikan yang berlesen meningkat 6.67% kepada 51,892 unit daripada 48,645 unit pada tahun 2010.

Faktor yang menyumbang kepada perbezaan bilangan vesel berlesen dan bilangan peralatan yang berlesen adalah kerana terdapat vesel berlesen yang tidak dilesenkan untuk mengusahakan sebarang peralatan menangkap ikan. Sebagai contoh, vesel menunggu peranti pengumpul ikan (MPPI), vesel sistem kultur laut (SKL), vesel pembawa ikan dan vesel masak bilis

The number of vessels in Zone A showed the highest contribution of 84.76% (44,210 units) compared to the other zones, increasing by 8.36% from 40,800 units in 2010. These vessels include 135 units of fish purse seines of various tonnage till 70 GRT and above, 35,760 units of outboard fishing vessels but does not include fish carriers.

There are also other category of vessels which consist of various tonnage for fish aggregating device, marine culture system, fish carrier and anchovy boiler/carrier which accounted for 843 units.

2.3 Fishing Gears

The number of fishing gear licences issued in 2011 increased by 6.67% to 51,892 units from 48,645 units in 2010.

The main factor which attributed to the difference in the number of licensed fishing vessels and licensed fishing gears is because there are licensed vessels without any licence to operate any fishing gear. For instance, there are vessels used for fish aggregating device, marine culture system, anchovy boiler / carrier and fish carrier which amounted to 843 units. At the

yang berjumlah 843 buah. Pada masa yang sama, terdapat juga dua vesel dilesenkan untuk menggunakan satu lesen peralatan menangkap ikan sahaja iaitu vesel kenka dua bot.

2.4 Pendaratan Ikan Marin

Sumber perikanan di perairan Malaysia dibahagikan kepada dua, iaitu laut pantai dan laut dalam. Laut pantai merupakan perairan dari pantai sehingga 30 batu nautika manakala laut dalam melepasi 30 batu nautika dari pantai.

same time, there are also two (2) fishing vessels licensed to operate only one fishing gear as in the case of the vessel kenka two-boat.

2.4 Marine Fish Landings

The fisheries resources in the Malaysian waters are divided into two (2) categories namely, the inshore and deep-sea resources based on the areas where the resources are exploited. The inshore waters constitute waters less than 30 nautical miles from the shore while the areas beyond 30 nautical miles made up the deep-sea areas.

Sumbangan perikanan tangkapan kepada Ikan Makan Negara, Tahun 2011
Contribution of Capture Fishery to National Fish Food 2011

Perikanan Tangkapan Marin <i>Marine Capture Fisheries</i>		Sumbangan <i>Contribution (%)</i>
Laut Pantai / <i>Inshore Fishery</i>		
Kuantiti / <i>Quantity</i> (Tan Metrik / <i>tonnes</i>)	:1,085,965	65.19
Nilai / <i>Value</i> (RM juta / <i>million</i>)	: 5,704.65	60.58
Laut Dalam / <i>Deep-sea Fishery</i>		
Kuantiti / <i>Quantity</i> (Tan Metrik / <i>tonnes</i>)	: 287,140	17.24
Nilai / <i>Value</i> (RM juta / <i>million</i>)	: 1,234.82	13.16



Pendaratan dari laut pantai telah menyumbang sebanyak 65.19% dari segi kuantiti dan 60.82% dari segi nilai kepada perikanan makanan negara. Manakala laut dalam menyumbang sebanyak 17.24% dari segi kuantiti dan 13.16% dari segi nilai kepada perikanan makanan negara.

Pada tahun 2011, pendaratan ikan marin mengalami sedikit penurunan dan mencatatkan pendaratan sebanyak 1,373,105 tan metrik, menurun 3.9% berbanding dengan 1,428,881 tan metrik pada tahun 2010.

Sektor laut pantai telah menurun sebanyak 2.07% dari 1,108,897 tan metrik pada tahun 2010 kepada 1,085,965 tan metrik pada tahun 2011. Manakala, pendaratan ikan marin laut dalam juga menurun sebanyak 10.26% dari 319,984 tan metrik pada 2010 kepada 287,140 tan metrik pada tahun 2011.

Pendaratan ikan marin merangkumi ikan pelagik sebanyak 38.68% iaitu 531,180 tan metrik, 21.62% ikan demersal iaitu 296,871 tan metrik dan 39.70% moluska, krustasia dan lain-lain iaitu 545,054 tan metrik.

Inshore fisheries contributed 65.19% and 60.82% in terms of quantity and value respectively to the national food fish sector. Meanwhile, the deep-sea fisheries contributed 17.24% in terms of quantity and 13.16% in terms of value to the national fish food sector.

In the year 2011, the total marine landings decreased by 3.9% which amounted to 1,373,105 tonnes as compared with 1,428,881 tonnes in 2010.

The inshore landings decreased by 2.07% from 1,108,897 tonnes in 2010 to 1,085,965 tonnes in 2011. Landings from the deep-sea fisheries sector also recorded a decrease of 10.26% from 319,984 tonnes in 2010 to 287,140 tonnes in 2011.

The total marine landings consisted of 38.68% pelagic fish amounting to 531,180 tonnes, 21.62% demersal fish amounting to 296,871 tonnes and 39.70% molluscs, crustacean and others which contributed 545,054 tonnes.

Pendaratan dan nilai ikan marin mengikut negeri untuk tahun 2011 adalah seperti di Jadual.

The marine landings and values by state for the year 2011 is as in Table.

Pendaratan dan Nilai Ikan Marin Mengikut Negeri Pada Tahun 2011
(Marine Fish Landings and Values By State, 2011)

Negeri (State)	Laut Pantai (Inshore Fishery)		Laut Dalam (Deep-Sea Fishery)		Jumlah (Total)	
	Kuantiti (M.T) Quantity (Tonnes)	Nilai (RM Juta) Value (RM Million)	Kuantiti (M.T) Quantity (Tonnes)	Nilai (RM Juta) Value (RM Million)	Kuantiti (M.T) Quantity (Tonnes)	Nilai (RM Juta) Value (RM Million)
Pantai Barat (West Coast)						
Perlis	105,418	542.53	29,583	157.04	135,001	699.57
Kedah	77,922	454.02	8,111	45.53	86,033	499.55
Pulau Pinang	63,859	451.58	113	1.15	63,972	452.73
Perak	229,576	1,110.50	71,969	283.97	301,545	1,394.47
Selangor	107,640	366.45	325	1.75	107,965	368.20
N.Sembilan	666	9.27	-	-	666	9.27
Melaka	1,759	18.79	-	-	1,759	18.79
Johor Barat (West Johor)	28,125	296.58	-	-	28,125	296.58
Jumlah Kecil / Sub-Total	614,963	3,249.72	110,101	489.44	725,064	3,739.16
Pantai Timur (East Coast)						
Kelantan	24,230	111.53	48,166	185.34	72,396	296.87
Terengganu	52,431	369.56	12,592	58.85	65,023	428.41
Pahang	66,667	406.83	37,376	203.85	104,043	610.68
Johor Timur (East Johor)	57,550	251.29	24,065	114.40	81,615	365.69
Jumlah Kecil / Sub-Total	200,879	1,139.22	122,198	562.44	323,077	1,701.66
Semenanjung Malaysia	815,842	4,388.93	232,299	1,051.89	1,048,141	5,440.82
Sarawak	72,487	355.54	46,972	122.35	119,459	477.89
Sabah	173,432	745.36	3,513	8.00	176,945	753.36
W.P Labuan	24,204	214.82	4,357	52.58	28,561	267.40
Jumlah Kecil / Sub-Total	270,123	1,315.72	54,842	182.93	324,965	1,498.65
Malaysia	1,085,965	5,704.65	287,140	1,234.82	1,373,105	6,939.47

Pendaratan Ikan Baja, Malaysia 2007 – 2011
(Landing Of Trash Fish, Malaysia, 2007 – 2011)

Tahun <i>Year</i>	Tan Metrik <i>Tonnes</i>	Sumbangan <i>Contribution (%)</i>
2011	261,669	19.06
2010	307,439	22.39
2009	285,376	20.48
2008	316,203	22.67
2007	342,970	24.83



Pendaratan ikan baja telah menunjukkan purata penurunan sebanyak 6.20% dari tahun 2007 sehingga 2011. Sumbangan pendaratan ikan baja berbanding pendaratan ikan laut telah menurun kepada 19.06% berbanding pada tahun 2010 sebanyak 22.39%. Pendaratan ikan baja pada tahun 2011 telah menunjukkan penurunan sebanyak 14.89% (261,669 tan metrik) berbanding pendaratan ikan baja tahun 2010 (307,439 tan metrik). Penurunan yang tertinggi berlaku di negeri Pahang, iaitu menurun sebanyak 26.85%.

Di Semenanjung Malaysia, sumbangan terbesar pendaratan ikan marin sejumlah 520,163 tan metrik

Trash fish landings showed an average decline of 6.2% from year 2007 until 2011. Contribution from trash fish landings had decreased by 19.06% as compared to marine fish landings by 22.39% in 2010. In 2011, trash fish landings showed a decrease of 14.89% (261,669 tonnes) compared to the year 2010 (307,439 tonnes). The state of Pahang experienced the highest decline of 26.85%.

In Peninsular Malaysia, the bulk of the landings came from the trawlers amounting to 520,163 tonnes

adalah dari vesel pukat tunda (49.63%) diikuti oleh vesel pukat jerut ikan dan jerut bilis berjumlah 265,041 tan metrik (25.29%) dan vesel penangkapan ikan tradisional berjumlah 262,937 tan metrik (25.09%).

Dari segi kawasan di Semenanjung Malaysia, pendaratan ikan di Pantai Barat menyumbangkan sebanyak 725,064 tan metrik (69.18%) di mana negeri Perak sahaja telah menyumbangkan sebanyak 301,545 tan metrik (41.59%) diikuti oleh Perlis sebanyak 135,001 tan metrik (18.62%). Di Pantai Timur pula, negeri Pahang dan Johor Timur adalah penyumbang utama iaitu masing-masing sebanyak 104,043 tan metrik (32.20%) dan 81,615 tan metrik (25.26%).

Dari segi pendaratan oleh vesel pukat tunda di Semenanjung Malaysia, ia telah menurun sebanyak 6.32% di sebelah Pantai Barat iaitu dari 392,457 tan metrik pada tahun 2010 kepada 367,642 tan metrik pada tahun 2011. Pantai Timur juga menunjukkan penurunan sebanyak 13.81 % iaitu dari 176,958 tan metrik pada tahun 2010 kepada 152,521 tan metrik pada tahun 2011 di mana negeri Pahang menunjukkan penurunan tertinggi iaitu 27.87% kepada 62,331 tan metrik berbanding 86,417 tan metrik pada tahun 2010.

Pendaratan vesel pukat jerut ikan juga menurun 21.64% di Pantai Barat Semenanjung Malaysia iaitu dari 182,834 tan metrik pada tahun 2010 kepada 143,262 tan metrik pada tahun 2011 di mana negeri Perlis menunjukkan penurunan tertinggi iaitu 27.97%

(49.63%) followed by fish and anchovy purse seiners with 265,041 tonnes (25.29%) and vessels operating traditional fishing gears amounting to 262,937 tonnes (25.09%).

In terms of region in Peninsular Malaysia, the West Coast contributed 725,064 tonnes (69.18%) whereby the state of Perak alone produced 301,545 tonnes (41.59%) followed by Perlis which produced 135,001 tonnes (18.62%). In the East Coast, the states of Pahang and East Johore were the main contributor with 104,043 tonnes (32.20%) and 81,615 tonnes (25.26%) respectively.

In terms of landings by trawlers in Peninsular Malaysia, it was observed that there was a decrease in the landings of 6.32% on the West Coast from 392,457 tonnes in 2010 to 367,642 tonnes in 2011. The East Coast also showed a decrease of 13.81% from 176,958 tonnes in 2010 to 152,521 tonnes in 2011 where the state of Pahang showed the highest decrease of 27.87% from 86,417 tonnes in 2010 to 62,331 tonnes in 2011.

Landings from fish purse seiners recorded a decrease of 21.64% on the West Coast of Peninsular Malaysia from 182,834 tonnes in 2010 to 143,262 tonnes in 2011 where the state of Perlis showed the highest decrease of 27.97% from 78,465 tonnes in 2010 to

kepada 56,519 tan metrik berbanding 78,465 tan metrik pada tahun 2010. Pendaratan pukat jerut ikan di Pantai Timur menurun 0.99% dari 111,673 tan metrik pada tahun 2010 kepada 110,565 tan metrik pada tahun 2011. Penurunan bilangan vesel pukat jerut ikan sebanyak 14.17% dari 240 buah pada tahun 2010 kepada 206 buah pada tahun 2011. Penurunan bilangan vesel pukat jerut ikan turut berlaku di negeri Perlis sebanyak 1.52% dari 1,121 buah pada 2010 kepada 1,104 buah pada tahun 2011.

Pendaratan Tuna, Malaysia, 2011 / *Tuna Landing, Malaysia ,2011*

Pendaratan Tuna <i>Tuna Landings</i>		Sumbangan* <i>Contribution</i> %
Tuna Oceanik / <i>Oceanic Tuna</i>		
Kuantiti / <i>Quantity</i> (Tan Metrik / <i>tonnes</i>)	1,912	0.14
Nilai / <i>Value</i> (RM juta / <i>million</i>)	14.69	0.21
Tuna Neritik / <i>Neritic Tuna</i>		
Kuantiti / <i>Quantity</i> (Tan Metrik / <i>tonnes</i>)	58,210	4.23
Nilai / <i>Value</i> (RM juta / <i>million</i>)	332.46	4.79
Spesies Seakan Tuna / <i>Tuna-Like Species</i>		
Kuantiti / <i>Quantity</i> (Tan Metrik / <i>tonnes</i>)	200,882	14.63
Nilai / <i>Value</i> (RM juta / <i>million</i>)	1,218.42	12.56

*Daripada jumlah pendaratan marin / *from total marine fish landings*

Pada tahun 2011, sebanyak 1,912 tan metrik ikan tuna oceanik bernilai RM14.69 juta telah didaratkan. Spesies yang didaratkan adalah tuna sirip kuning, tuna mata besar dan albakor. Negeri Sabah telah menyumbangkan sebanyak 1,329 tan metrik (69.51%)

56,519 tonnes in 2011. The landings from fish purse seiners on the East Coast also showed a decline of 0.99% from 111,673 tonnes in 2010 to 110,565 tonnes in 2011. This decline was due to the reduction in the number of licensed fish purse seine vessels by 14.17% from 240 units in 2010 to 206 units in 2011. The same also occurred in the state of Perlis with a decline of 1.52% from 1,121 units in 2010 to 1,104 units in 2011.



In 2011, a total of 1,912 tonnes of oceanic tuna valued at RM14.69 million were landed. The species landed were Yellow Fin Tuna, Big Eye Tuna and Albacore Tuna. The state of Sabah contributed 1,329 tonnes (69.51%) to the total oceanic tuna landings in

kepada pendaratan ikan tuna oceanik di Malaysia. Pendaratan ikan tuna oceanik negeri Sabah pada tahun 2011 menunjukkan penurunan sebanyak 18.72% berbanding 1,635 tan metrik pada tahun 2010. Pendaratan tuna oceanik bagi negeri Pulau Pinang pula menunjukkan penurunan sebanyak 92.07% dari 1,350 tan metrik pada tahun 2010 kepada 107 tan metrik pada tahun 2011 dan hanya menyumbang sebanyak 5.60% kepada pendaratan ikan tuna oceanik di Malaysia.

Pendaratan spesies tuna neritik pada tahun 2011 adalah 58,210 tan metrik berbanding pada tahun 2010 sebanyak 57,967 tan metrik meningkat 0.42%. Spesies tuna neritik di Malaysia adalah aya hitam, aya kurik, aya selasih dan aya jalur. Sumbangan pendaratan tuna neritik kepada pendaratan ikan marin Malaysia adalah sebanyak 4.24%. Pendaratan spesies seakan tuna pula adalah 200,882 tan metrik. Spesies seakan tuna di Malaysia adalah todak, layaran, mersuji, tenggiri, kembong dan pelaling/temenong. Pendaratan spesies seakan tuna telah menyumbang sebanyak 14.63% kepada pendaratan ikan marin Malaysia.

Di Semenanjung Malaysia sahaja, 77.84% daripada pendaratan ikan adalah dari laut pantai. Jumlah ini telah menurun sebanyak 3.03% dari 841,367 tan metrik pada tahun 2010 kepada 815,842 tan metrik pada tahun 2011. Sebahagian besarnya iaitu 66.78% disumbangkan oleh vesel-vesel penangkapan ikan komersial bermuatan ke bawah 70 GRT yang mengusahakan peralatan pukut tunda dan pukut jerut ikan. Pendaratan vesel-vesel ini telah menurun

Malaysia. Oceanic tuna landings from the state of Sabah showed a decrease of 18.72% in 2011 as compared with 1,635 tonnes in 2010. Meanwhile, oceanic tuna landings from the state of Penang showed a decline of 92.07% from 1,350 tonnes in 2010 to 107 tonnes in 2011, which contributed 5.60% to the overall oceanic tuna landings in Malaysia.

In the year 2011, neritic tuna landings amounted to 58,210 tonnes compared to 57,967 tonnes in 2010, increasing by 0.42%. In Malaysia, neritic tuna consists of longtail tuna, kawakawa, frigate tuna and skipjack tuna. Neritic tuna landings contributed 4.24% to the total marine landings. Meanwhile, tuna-like landings was 200,882 tonnes and its species consist of sword fish, sail fish, marlin, spanish mackerel and indian/short mackerel. Tuna-like landings contributed 14.63% to the total marine landings in Malaysia.

In Peninsular Malaysia alone, 77.84% of the marine landings were contributed by the inshore fisheries sub-sector. The total landings had decreased by 3.03% from 841,367 tonnes in 2010 to 815,842 tonnes in 2011. A large proportion which amounted to 66.78% was contributed by the commercial fishing vessels of sizes below 70 GRT operating trawl and fish purse seine gears. The landings from these fishing vessels decreased by 11.13% from 613,099 tonnes in 2010 to

sebanyak 11.13% daripada 613,099 tan metrik pada tahun 2010 kepada 544,839 tan metrik pada tahun 2011.

Pendaratan ikan laut dalam di Semenanjung Malaysia telah menurun 10.97% dari 260,908 tan metrik pada tahun 2010 kepada 232,299 tan metrik pada tahun 2011. Jumlah ini adalah 80.90% dari pendaratan ikan laut dalam Malaysia. Nilai pendaratan juga menurun sebanyak 7.37% dari RM1,135.55 juta kepada RM1,051.89 juta pada tahun 2011. Sebahagian besarnya iaitu 98.64% disumbangkan oleh vesel pukat tunda dan pukat jerut bermuatan 70 GRT dan ke atas.

Bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan pendaratan ikan laut pantai meningkat sebanyak 0.97% dari 267,530 tan metrik pada tahun 2010 kepada 270,123 tan metrik pada tahun 2011. Manakala pendaratan ikan marin laut dalam pula menurun sebanyak 7.17% dari 59,076 tan metrik pada tahun 2010 kepada 54,842 tan metrik pada tahun 2011. Negeri Sabah menunjukkan penurunan tertinggi sebanyak 32.92% iaitu dari 5,237 tan metrik pada tahun 2010 kepada 3,513 tan metrik pada tahun 2011. Penurunan tertinggi ini disebabkan oleh penurunan kuantiti pendaratan oleh pukat tunda bermuatan 70 GRT dan ke atas.



544,839 tonnes in 2011.

The landings of the deep-sea fisheries in Peninsular Malaysia decreased by 10.97% from 260,908 tonnes in 2010 to 232,299 tonnes in 2011. This figure constituted 80.90% of the Malaysian deep-sea fisheries landings. The value of the landings decreased by 7.37% from RM1,135.55 million to RM1,051.89 million in 2011. A large portion of the deep-sea fisheries landings which amounted to 98.64% was contributed by trawlers and purse seiners of 70 GRT and above.

For Sabah, Sarawak and the Federal Territory of Labuan, inshore fisheries landings increased by 0.97% from 267,530 tonnes in 2010 to 270,123 tonnes in 2011. However, landings from the deep-sea fisheries decreased by 7.17% from 59,076 tonnes in 2010 to 54,842 tonnes in 2011. The state of Sabah recorded the highest decline of 32.92% from 5,237 tonnes in 2010 to 3,513 tonnes in 2011. This was due to the decrease in landings by trawlers of vessels 70GRT and above.



Pengeluaran dan Nilai Sektor Akuakultur, Malaysia, 2011
Production and Value of Aquaculture Sector, Malaysia, 2011

Akuakultur <i>(Aquaculture)</i>	2010		2011		Perubahan (<i>Changes</i>) %	
	Kuantiti (M.T) <i>Quantity (Tonnes)</i>	Nilai (RM Juta) <i>Value (RM Million)</i>	Kuantiti (M.T) <i>Quantity (Tonnes)</i>	Nilai (RM Juta) <i>Value (RM Million)</i>	Kuantiti <i>Quantity</i>	Nilai <i>Value</i>
1. Air Tawar <i>(Freshwater)</i>	155,398.63	760.34	122,218.73	684.15	-21.35	-10.02
2. Air Payau / Marine <i>(Brackishwater)</i>	217,757.37	1,955.24	164,838.68	1,701.49	-24.61	-12.98
Jumlah Akuakultur Makanan <i>(Total Food Aquaculture)</i>	373,156.00	2,715.58	287,057.41	2,385.64	-23.07	-12.15
3. Rumpai Laut <i>(Seaweed)</i>	207,892.40	83.16	239,450.00	119.73	+15.18	+43.98
Jumlah Besar <i>(Grand Total)</i>	na	2,798.74	na	2,505.37	na	-0.10

3. AKUAKULTUR

3.1 Pengeluaran Akuakultur

Pada tahun 2011, pengeluaran dari subsektor akuakultur makanan menyumbang sebanyak 287,057.41 tan metrik bernilai RM2,385.64 juta iaitu menurun sebanyak 23.07% dan 12.15% berbanding tahun 2010. Rumpai laut pula menyumbang 239,450.00 tan metrik bernilai RM119.73 juta bagi tahun 2011.

Dalam tahun 2011, sejumlah 28,599 orang telah terlibat dalam industri akuakultur yang menunjukkan

3. AQUACULTURE

3.1 Aquaculture Production

In the year 2011, national production from the food aquaculture sub-sector contributed 287,057.41 tonnes valued at RM2,385.64 million decreased by 23.07% and 12.15% respectively compared to 2010. The seaweed production contributed 239,450.00 tonnes valued at RM119.73 million in 2011.

In the year 2011, a total of 28,599 fish farmers and culturists were involved in the aquaculture industry

peningkatan sebanyak 8.78% jika dibandingkan dengan tahun 2010 yaitu 26,291 orang. Sebagian besar tenaga kerja adalah terlibat dalam industri akuakultur air tawar yang merangkumi seramai 21,992 orang penternak iaitu 76.90% daripada jumlah keseluruhan penternak akuakultur negara. Manakala seramai 6,607 orang penternak atau 23.10% terlibat dalam industri akuakultur air payau/masin.



increasing by 8.78% as compared with 26,291 persons in 2010. The majority of the workforce of 21,992 persons were involved in the freshwater aquaculture sub-sector which accounted for 76.90% of the total fish farmers/culturists in the country. The remaining 23.10% or 6,607 fish farmers/culturists were involved in the brackishwater aquaculture industry.



Pengeluaran Dan Nilai Akuakultur Air Tawar, Malaysia, 2011
Production and Value of Freshwater Aquaculture, Malaysia, 2011

Akuakultur Air Tawar (Freshwater Aquaculture)	2010		2011		Perubahan (Changes) %	
	Kuantiti (M.T) Quantity (Tonnes)	Nilai (RM Juta) Value (RM Million)	Kuantiti (M.T) Quantity (Tonnes)	Nilai (RM Juta) Value (RM Million)	Kuantiti Quantity	Nilai Value
Keli (Freshwater Catfish)	63,206.24	194.48	46,777.80	153.06	-25.99	-21.30
Tilapia Merah (Red Tilapia)	29,013.94	192.99	33,259.93	247.59	+14.63	+28.29
Patin (River Catfish)	37,884.07	199.49	10,891.51	95.89	-71.25	-51.93
Tilapia Hitam (Black Tilapia)	9,629.33	56.3	9,526.30	54.33	-1.07	-3.50
Udang Galah (Giant Freshwater Prawn)	619.22	18.85	334.44	9.34	-45.99	-50.45
Pelbagai (Others)	15,045.83	98.23	21,428.75	123.94	+42.42	+26.17
Jumlah Besar (Grand Total)	155,398.63	760.34	122,218.73	684.15	-21.35	-10.02

3.2 Akuakultur Air Tawar

Pada tahun 2011, penternakan ikan air tawar menyumbang sebanyak 122,218.73 tan metrik bernilai RM684.15 juta. Pengeluaran dan nilai menunjukkan penurunan 21.35% dan 10.02% berbanding tahun 2010 iaitu 155,398.63 tan metrik bernilai RM760.34 juta.



3.2 Freshwater Aquaculture

In 2011, freshwater fish culture contributed 122,218.73 tonnes valued at RM684.15 million. Its production and value showed a decline of 21.35% and 10.02% when compared to 2010 with 155,398.63 tonnes valued at RM760.34 million.



Pengeluaran dan Nilai Akuakultur Air Payau, Malaysia, 2011
